



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

SIRI 7/2020 | 24 REJAB 1441H

### GERAK KERJA #MUSAADAHCOVID19 MULA DIJALANKAN

1. Prihatin dengan situasi semasa COVID-19, saya telah menggerakkan misi #MusaadahCOVID19 sebagai usaha meringankan beban asnaf dan petugas hadapan (*frontliner*) COVID-19 sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.
2. Agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama) telah memulakan misi #MusaadahCOVID19 di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain yang telah dikenal pasti.
3. Bantuan Kewangan Bulanan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang biasanya disalurkan pada setiap 25hb, telah mula dimasukkan ke akaun bank penerima secara berperingkat bermula **hari ini**, 19 Mac 2020. Ia melibatkan jumlah keseluruhan **RM8.94 juta** kepada **22,000 asnaf**. Ini bertujuan meringankan beban asnaf khususnya untuk mendapatkan barangan keperluan asasi dalam situasi semasa.
4. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melalui JAWI Food Bank dgn kerjasama YBhg. Datuk Ali Jawahar Ali, Restoran Ali Maju telah **menyumbangkan makanan** kepada **petugas hadapan (*frontliner*) COVID-19** di PPUM, KL tengahari ini.
5. Misi #MusaadahCOVID19 akan diteruskan sehingga minggu hadapan dan saya akan pastikan semua sumbangan sampai kepada sasaran yang dikehendaki.
6. Saya ingin menyeru dan menggesa badan-badan korporat melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) masing-masing untuk turut menyumbang kepada rakyat yang memerlukan bantuan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**19 MAC 2020**